



UNIVERSITI MALAYA

SYARAHAN PERDANA

Dari Lokal ke Global: Cabaran kepada Dasar dan Pembangunan Sistem Pelajaran ke Taraf Dunia

B. ARKIB

oleh:

Profesor Dr. Hussein Haji Ahmad, K.M.N., D.S.M

28 September 2004

LG173
AqHusha

SYARAHAN PERDANA

Dari Lokal ke Global: Cabaran kepada Dasar dan Pembangunan Sistem Pelajaran ke Taraf Dunia

oleh:

Profesor Dr. Hussein Haji Ahmad, K.M.N., D.S.M


Auditorium Kampus Kota
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
28 September 2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511507176

*Syarahannya ini diadakan sebagai pengiktirafan
jawatan profesor di Universiti Malaya*



Profesor Dr. Hussein Hj. Ahmad, D.S.M., K. M. N.

Ph.D (Stanford), M.A (Soc.), M.A (Edu), B.A. Hon (U.M), Cert. in Edu. (Eng.)

Member, Council of Consultant Fellows, IIEP (UNESCO), Paris

Dip. of Hon. (PDC), UNESCO

LATAR AKADEMIK DAN KERJAYA

Profesor Dr. Hussein Haji Ahmad telah bertugas dengan kerajaan selama 40 tahun setelah lulus dari Brisford Lodge, England (1963). Beliau memegang ijazah B.A. (Hons) dari Universiti Malaya (1969), ijazah M.A. (Pendidikan, 1975), M.A. (Sosiologi, 1977) dan Ph. D. (Pendidikan, 1979); kesemuanya dari Universiti Stanford, California, U.S.A. Bermula sebagai Guru di beberapa Sekolah Menengah, Pengetua, Penolong Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, dan Pengarah di Institut Aminudin Baki dan di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, beliau pernah juga dilantik sebagai Profesor Madya dan Timbalan Dekan di USM, Pulau Pinang, Pengarah di Jabatan Perpaduan Negara, dan Timbalan Ketua Pengarah, Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Selepas persaraan wajib, beliau telah mewakili negara sebagai Wakil Tetap / Duta Malaysia ke UNESCO, Paris selama 3 tahun (1997-2000). Pada tahun 2001, beliau telah dilantik sebagai Profesor di Institut Pengetua, dan telah dilantik, pada tahun 2003, sebagai Ketua, Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Pada ketika ini, beliau memegang jawatan Profesor di Institut Pengajian Kepengetuaan, Kampus Kota, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Bissmilahi Rahmanirrahim

Yang saya hormati,
Saudara Juruacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Razali Agus,
Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya.

Yang saya muliakan para Dekan, Pengarah
Ketua-ketua Jabatan dan para pegawai Kementerian Pelajaran
Para Profesor dan pensyarah dan pelajar ijazah tinggi

Yang saya hormati para jemputan khas
Terdiri daripada para sahabat saya daripada Kampung Tunku
Petaling Jaya, saudara mara dan anak-anak saya yang dikasihi yang
datang datang dari jauh dan dekat,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratu.....

"Segala pujian bagi Allah yang telah menjadikan manusia sebagai
makhluK termulia dan memilih Muhammad (SAW) sebagai penutup
semua Nabi dan Rasulnya. Salawat dan salam kepada Nabi
Muhamad (SAW) yang dijadikan Allah (SWT) sebagai Qudwah
(panutan) bagi manusia kerana mempunyai sifat dan akhlak yang
hanya Dia, Allah (SWT) sahaja yang mampu mengetahuinya. Juga
kepada keluarga yang selalu menjaga sunnahnya dan para
sahabatnya yang selalu taat dan mencintai di atas diri mereka"
Tuan-tuan, puan-puan dan hadirana sekalian

Selamat datang dan salam sejahtera

Cabaran:Kesan Dasar dan Perancangan Awal

Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan merupakan alat utama untuk negara melaksanakan proses tranformasi masyarakat Malaysia ke peringkat nasional sejak Merdeka. Bermula dari memenuhi kehendak dan aspirasi masyarakat di peringkat lokal di dalam nagara, Sistem tersebut telah melalui pelbagai corak desakan dan tuntutan masyarakat yang sentiasa mencabar kewibawaan dasar, perancangan dan proses pelaksanaannya. Selain berperanan untuk memenuhi tuntutan pembangunan sumber manusia, ianya juga dituntut memenuhi matlamat perpaduan bangsa dan integrasi nasional melalui satu bahasa pengantar utama.

Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan juga dituntut untuk memainkan peranan utama dalam melahirkan berbagai golongan tenaga kerja manusia yang tinggi kualitinya, seiringan dengan kehendak dasar-dasar socio-ekonomi dan pembangunan negara yang lain, terutama dalam usaha membantu negara membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia.

Walaupun banyak usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah pelajaran yang timbul dan lebih bercorak 'ad-hoc', secara umumnya, impak dan kesannya telah menuju ke arah matlamat yang positif, hingga sukar dinafikan bahawa sistem persekolahan di Malaysia telah berkembang dengan pesat selepas merdeka. Kemajuan ini berlaku, antaranya kerana sistem pelajaran telah ditentukan oleh Kerajaan untuk memainkan tiga peranan utama dalam proses pembangunan bangsa Malaysia. Pertama, ia diminta berperanan memberi pengetahuan dan kemahiran, serta mewariskan sosiobudaya bangsa Malaysia, melalui sistem persekolahan formal. Kedua, ia juga ditentukan berperanan sebagai faktor pelaburan utama untuk peningkatan ekonomi dan taraf hidup dalam proses pembangunan sosioekonomi negara (atau socioeconomic nation-building process). Ketiga, ia juga diminta berperanan untuk menyatukan masyarakat pelbagai etnik dan sosiobudaya, serta membantu dalam mempercepatkan proses integrasi negeri-negeri dan kawasan geografis Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Cabaran ini amat besar implikasinya kepada proses penggubalan dasar dan perancangan program-program dan aktiviti pelajaran kebangsaan secara menyeluruh kerana ia perlu melampaui pelbagai aspek, bidang dan dimensi pembangunan, terutamanya prasarana asas dan tambahan, kurikulum dan kokurikulum, latihan guru, peralatan dan khidmat sokongan kepada pelbagai jenis kumpulan pelajar sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti. Keseluruhan dimensi ini menuntut proses penyelesaian masalah dan penyelarasan tersinkroni daripada segi penggubalan dasar dan sub-subdasar serta perancangan dan pembangunan teliti di peringkat makro (kebangsaan), meso (negeri-negeri kawasan dan daerah), mikro (sekolah dan bilik darjah).

Walau pun, pada masa kini, negara telah mencapai satu tahap penghormatan yang membanggakan dipersada antarabangsa, namun demikian penghormatan ini lebih tertumpu kepada kejayaan ekonomi yang berteraskan kriteria dan indikator pengukuran kualiti hidup antara bangsa-bangsa dalam sistem ekonomi global. Sebaliknya, dunia kurang menyedari bahawa keadaan ekonomi yang telah tercapai secara berterusan pada masa kini merupakan kesan, hasil dan sumbangan dasar dan sistem pendidikan kebangsaan yang terancang, berasaskan model perancangan dan polisi-polisi makro, meso dan mikro yang pragmatis untuk menangani pelbagai bentuk cabaran yang dihadapi sejak lebih dari empat dekad yang lepas.

Kini cabaran utama yang sering mendepani para penggubal, perancang dan pelaksana dasar pelajaran negara ialah bagaimana untuk menentukan kualiti sistem pelajaran kebangsaan meningkat ke taraf dunia. Di sebalik aspirasi sedemikian, ada dua persoalan dasar yang sering menjadi tanda tanya di kalangan para ilmunan dan akademik, malahan juga masyarakat umum. Pertama, apakah dia konsep pelajaran bertaraf dunia? Adakah dimaksudkan segala aspek dalam sistem pelajaran kebangsaan perlu terbaik bagi melahirkan golongan pelajar yang berwajah global, atautah bercorak 'glokal' (glocal) sifatnya, iaitu graduan yang berkebolehan menyumbang secara efektif di peringkat lokal dalam pembangunan negara, dan boleh pula beroperasi secara kompetitif di persada organisasi, syarikat dan firma-firma multi-nasional dan negara-negara dalam sistem sosio-ekonomi global yang tidak bersempadan keadaannya?

Atau, adakah ianya bermaksud bahawa sistem pelajaran kebangsaan ini perlu 'hebat' hingga boleh menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan 'an educational hub' yang boleh menarik golongan-golongan pelajar daripada negara-negara lain dari seluruh Asia mahu pun dunia, untuk mendapatkan pelajaran terbaik dan bermutu, khususnya pada pengajian peringkat kolej dan universiti? Atau, adakah ianya juga bermaksud disebaliknya, iaitu sesuatu sistem pelajaran itu boleh dianggap bertaraf dunia, jika sekiranya pelajar-pelajar terbaik dalam keluaran dari sistem tersebut berupaya dan diterima masuk ke universiti-universiti terkemuka di dunia seperti Oxford, Harvard, Stanford, MIT dan sebagainya.

Persoalan kedua ialah, jika demikian aspirasinya dan daripada segi realitinya, adakah dasar-dasar dan program-program pembangunan pelajaran negara pada masa kini, berupaya dan mampu mempertingkatkan sistem pelajaran Malaysia ke taraf dunia bagi memenuhi visi dan misi yang dimaksudkan? Kedua-dua persoalan ini membawa implikasi yang amat mendalam dan mencabar daripada segi dasar, proses perancangan, pelan-pelan pelaksanaan dan serta pendekatan tindakan di peringkat makro, meso dan mikro, khususnya apabila dikaji daripada segi lima dimensi utama seperti berikut: akses, ekuiti, relevansi, efisiensi dan kualiti. Justeru itu juga, apakah cabaran-cabarnya, dan di manakah kedudukan Dasar dan Sistem Pelajaran Kebangsaan dalam konteks dimensi-dimensi seperti yang diperkatakan ini? Syarahan ini cuba menerokai jawapan-jawapannya.

Pendidikan Bertaraf Dunia: Antara Impian dan Realiti

Walau bagaimana pun, telah kerap diperkatakan bahawa pendidikan perlu dianggap sebagai penyelamat bangsa. Dikatakan juga ianya menjadi penentu yang paling kritikal dalam memastikan kejayaan pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Justeru, untuk memastikan aspirasi negara dapat direalisasikan menjelang tahun 2020, sistem pelajaran di Malaysia dikatakan harus bergerak sederhana dan seiring dengan semangat Wawasan 2020 untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya mengikut acuan sendiri.

Dengan bertonggakkannya Falsafah Pendidikan Negara dan sembilan cabaran strategik menurut Wawasan tersebut, tuju hala sistem pelajaran negara masa kini dan masa hadapan telah diilhamkan dalam bentuk pernyataan misi Kementerian Pelajaran. Misi ini telah dimantapkan pada tahun 1995 dalam Rang Undang-Undang yang berbunyi:

....membangunkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara.....

Konsep pendidikan bertaraf dunia pernah juga diperjelas dan diperdebatkan oleh bekas Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Dato Seri Mohamed Najib bin Tun Abdul Razak, dalam sidang Parlimen sewaktu membentangkan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 tersebut. Beliau menegaskan bahawa pendidikan bertaraf dunia bermaksud:

....usaha-usaha strategik untuk mengglobalisasikan pendidikan (Malaysia) mencari ilmu pengetahuan tidak kira di mana dan membuka minda untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan....

Diperjelaskan olehnya lagi:

.....ia juga bermaksud berusaha mengetahui apa yang belum kita pelajari, menyedari hakikat bahawa masih banyak perkara yang belum kita ketahui, dan merika cipta dan bukan setakat membuat inovasi sahaja. Tetapi yang paling penting, sistem pendidikan bertaraf dunia harus mampu melahirkan manusia yang berperibadi, dengan nilai moral yang teguh, seorang manusia yang sempurna, bukan sahaja daripada aspek akademik, tetapi dengan kemampuan intelektual untuk menangani cabaran masa muka.....

Daripada analisis tentang perkembangan, reformasi dan aspek-aspek kesinambungan yang dilakarkan di dalam buku saya (1993) "Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar Reformasi dan Wawasan", beberapa penambahbaikan melalui pendekatan dan pindaan telah dibuat

dalam sistem pelajaran sejak peristiharan Akta Pendidikan 1996 untuk menuju ke arah kecermerlangan pendidikan negara. Sususulan daripada itu, telah diperkatakan bahawa sistem pendidikan Malaysia memerlukan satu model dasar dan perancangan srategik ke arah melahirkan penujuan matlamatnya dengan pelan-pelan tindakan yang strategik.

Rasional pemikiran ini adalah berlandaskan bahawa pembangunan pesat yang berlaku dalam bidang ekonomi di akhir tahun 80-an dan awal 90-an telah menghasilkan keyakinan dan kekuatan dalaman kepada negara untuk terus memacu ke hadapan. Ini telah diasaskan kepada pengaruh persepadaan antara empat faktor utama.

Pertamanya, pembangunan sosioekonomi dan cabaran kepada sosiobudaya telah menjadi petunjuk asas kepada unjuran keperluan tenaga manusia serta asas sistem nilai yang perlu dimiliki dan diwariskan oleh bangsa Malaysia. Kedua, ialah penerimaan hakikat rakyat Malaysia perlu menjadikan ilmu dan pelajaran yang berorientasikan sains teknologi maklumat dan sistem komunikasi yang bermutu tinggi setanding dengan di negara-negara maju sebagai komoditi yang tidak boleh tidak mesti dikuasai. Penguasaan ini perlu dijanakan melalui pendekatan yang fleksibel yang dapat menangani perubahan-perubahan teknologi dan struktur ekonomi yang pesat berasaskan penghayatan dan pendekatan kreativiti dan inovasi. Faktor ketiga, proses globalisasi dan cabaran ekonomi antarabangsa memerlukan pendekatan dan asas-asas perancangan yang lebih mantap, mengikut pelan-pelan perancangan jangka pendek, jangka pertengahan dan juga jangka panjang. Faktor keempat ialah penegasan yang sentiasa ditekankan bahawa nilai-nilai mulia dan asas-asas perpaduan dan integrasi national merupakan teras kepada pembentukan sebuah negara dan rupa bangsa yang mapan dalam proses integrasiannya.

Ada banyak kajian, tinjauan dan unjuran tentang kesan pembangunan ekonomi negara yang pesat serta kesan proses globalisasi antarabangsa yang melanda negara dan memberi impaknya kepada pembangunan sosiobudaya, perkembangan teknologi dan komunikasi dan proses pembangunan tenaga manusia negara. Setelah mengkaji keadaan demikian, Kementerian Pelajaran

telah cuba merangka satu bentuk Pelan Strategik pada tahun 1996 untuk "mewujudkan satu sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia" (world class quality education system) dengan tiga matlamat strategik yang tersendiri fokusnya. Pertama, untuk menentukan sistem pendidikan negara yang berkualiti untuk melahirkan individu dan masyarakat yang berilmu, beriman, beramal dan berakhlak murni berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Kedua, untuk memastikan pendidikan sebagai jentera berkesan untuk memupuk siakp dan nilai patriotisme dan mempereratkan semangat perpaduan rakyat ke arah membina negara bangsa Malaysia. Ketiga, untuk melahirkan tenaga manusia yang bertaraf dunia kualitinya untuk memenuhi keperluan negara ke arah mencapai status negara maju.

Untuk mencapai matlamat Pelan Strategik seperti yang dimaksudkan di atas, Fokus Strategik yang ditentukan meliputi empat belas dimensi seperti yang disenaraikan di bawah.

- i) Mempertingkatkan pendidikan kerohanian moral, etika dan sahsiah melalui perubahan kurikulum dan pendekatan pengajaran yang berasaskan kesepaduan ilmu;
- ii) Mempertingkatkan penyerapan unsur-unsur perpaduan dan semangat patriotisme dalam kurikulum serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif ke arah perpaduan;
- iii) Penekanan kepada sains dan teknologi berteraskan asas ilmu yang luas;
- iv) Meningkatkan output lulusan peringkat teknikal dan bidang kepakaran yang bersesuaian;
- v) Memperkukuh pendemokrasian pendidikan dengan memastikan setiap kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan menerima pendidikan yang berkualiti tanpa mengira tahap sosio-ekonomi, keadaan fizikal dan tempat tinggal sekurang-kurangnya 11 tahun;
- vi) Memperluas peluang pendidikan berterusan untuk setiap penduduk;
- vii) Menjadikan pembelajaran satu pengalaman yang bermakna (fulfilling experience) dengan mempertingkatkan mutu kurikulum, peranan guru dan persekitaran pembelajaran;
- viii) Memberi penekanan kepada pendidikan peringkat 3 tahun awal persekolahan;

- ix) Menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan;
- x) Melahirkan warga negara yang fasih dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, dan boleh menguasai pelbagai bahasa antarabangsa;
- xi) Menentukan profesion pendidikan mempunyai martabat yang tinggi;
- xii) Meningkatkan pelibatan sektor swasta dalam pendidikan;
- xiii) Menjadikan perkhidmatan pendidikan sebagai sumber eksport negara; dan
- xiv) Memperkukuhkan keefisyenan sistem pengurusan dan pentadbiran.

Menangani Isu Ekuiti: Sejauh Mana Pelaksanaan Dasar Diusahakan

Aspek-aspek reformasi awal yang telah dilakarkan secara mendalam di Bab 1, 2 dan 3 di dalam buku saya "Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan" (1993) meliputi dimensi-dimensi kurikulum dan program pengajian, pembangunan profesionisme guru dan kepegawaian, sistem maklumat pendidikan dan pengurusan. Tumpuan analisis cuba menunjukkan kecekapan sistem pendidikan negara harus dilihat dalam konteks yang lebih berkesan terutamanya dalam aspek peningkatan berterusan, proses pembelajaran dan pembangunan menyeluruh sistem dan bukan hanya dari sudut output atau hasil sahaja daripada segi pelaksanaan pelbagai jenis peperiksaan awam.

Umpamanya untuk mengendurkan kesan dan fenomena tekanan peperiksaan, orientasi pendidikan di peringkat rendah telah dilakukan perubahan. Tumpuan dan bentuk peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) telah dilakukan perubahan tekniknya. Justeru, pada masa kini dan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, UPSR bukan lagi satu peperiksaan terminal dalam persekolahan. Ini bermakna juga sistem kenaikan darjah secara automatik ke tingkatan satu telah mula dilaksanakan, iaitu semua pelajar, tanpa mengira tahap prestasi dan pencapaian dalam UPSR, sama ada tinggi atau rendah, dinaikkan ke tingkatan satu dan seterusnya ke tingkatan tiga. Dengan tujuan untuk menilai kesan proses pengajaran dan

pembelajaran (P&P), keputusan UPSR hanya mencatatkan keputusan pelajar sama ada menguasai atau tidak sesuatu mata pelajaran.

Sejak tahun 2000, untuk memenuhi kehendak peningkatan berterusan KBSR dan KBSM telah dilakukan proses semakan semula secara berterusan. Hasil semakan tersebut telah menunjukkan bahawa peperiksaan dan pentaksiran pengajaran lebih ditumpukan kepada pentaksiran yang berasaskan sekolah (atau school based assessment) dalam Kajian Tempatan Pendidikan Jasmani, Musik dan Kemahiran Hidup. Format penilaiannya tidak dilakukan secara peperiksaan rasmi awam seperti pada tahun-tahun sebelumnya. Di peringkat SPM, peperiksaan bagi mata pelajaran Lisan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan mata pelajaran Teknik dan Vokasional juga menggunakan dasar pensijilan terbuka bagi mengurangkan kesan proses pengelompokan pelajar kepada gred-gred satu, dua, tiga dan empat berdasarkan tahap pencapaian calon seperti yang dilakukan sejak selama lima dekad yang lepas.

Dengan cara ini pelajar-pelajar dikatakan boleh memilih pakej mata pelajaran yang tertentu supaya mereka tidak terlalu tertekan dengan jangkaan tentang kedudukan gred mereka. Bagi calon yang gagal dalam mata pelajaran tertentu atau kurang cemerlang, dasar juga telah menentukan bahawa mereka boleh mengambil mata pelajaran yang gagal sahaja pada tahun yang berikutnya.

Kolej-kolej komuniti dan politeknik juga telah ditubuhkan sejak tahun 2001 bagi menawarkan program-program peringkat diploma dan sijil. Dasar ini telah disokong kuat oleh masyarakat kerana kajian yang dibuat terhadapnya telah menunjukkan lebih 70% graduan masuk ke alam pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian mereka. Pendekatan kolej dan politeknik juga telah mengeratkan hubungan kerjasama dengan industri-industri swasta di sekitar kawasan untuk menyediakan tempat bagi melatih dan menawarkan kursus-kursus yang sesuai dengan kehendak industri.

Diperhatikan juga sejak tahun 2001, empat buah kolej universiti baru telah ditubuhkan supaya memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang kemahiran dan amali pekerjaan. Ini

telah memungkinkan bahawa setiap penawaran kursus, 70% perlu berorientasikan kemahiran praktikal dan 30% teori. Secara kasarnya jika diteliti perubahan-perubahan seperti ini dilakukan bukan sahaja bersandarkan kepada dasar dan yang terkandung Akta Pendidikan Tahun 1996 tetapi juga merupakan kesinambungan daripada set perakuan-perakuan yang terkandung dalam Laporan Kabinet Tahun 1979.

Sehubungan ini, di antara dasar-dasar baru yang diperkenalkan ke arah memperbaiki sistem dan kualiti pendidikan beberapa tindakan telah dilakukan. Ini termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Kurikulum baru tadika yang memfokuskan kepada enam komponen khas bagi semua institusi pendidikan tadika kerajaan, separa kerajaan dan swasta.
- (ii) Dasar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mula dilaksanakan pada Januari 2003 di semua sekolah rendah dan menengah, secara berperingkat-peringkat bermula di Darjah Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat dan seterusnya mengikut peningkatan tahun-tahun berikut.
- (iii) Mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris Semasa (Kontemporari) turut diperkenalkan untuk dilaksanakan di seluruh negara.
- (iv) Tabung Pelajar Miskin (TPM) yang ditubuhkan untuk membiayai yuran persekolahan pelajar-pelajar miskin mula beroperasi pada tahun 2003 juga iaitu diberikan RM120/- seorang kepada pelajar-pelajar yang ibubapa mereka berpendapatan RM500/- atau kurang.
- (v) Bahasa Tambahan yang melibatkan Bahasa Mandrin, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab Komunikasi mula diperkenalkan di sekolah yang terupaya.
- (vi) Mata pelajaran Teknologi Maklumat (IT) diperkenalkan di semua sekolah rendah dan menengah secara berperingkat-peringkat.

- (vii) Dasar memberhentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai dasar yang dilakukan pada awal 2003 telah disambungkan semula pada hujung tahun yang sama. Ini kerana SAR telah mengikut kurikulum yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan selain penerimaan pendaftaran pelajar SAR di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).
- (viii) Dasar memperuntukkan sepuluh peratus tempat kepada pelajar bukan bumiputra di Maktab Rendah Sains MARA dan juga 10% di kolej-kolej matrikulasi telah juga dimulakan pada tahun 2003.
- (ix) Pertukaran format tentang pernyataan keputusan dan penggredan bagi Sijil Tinggi Persekolahan supaya diselaraskan dengan sistem pengredan yang diguna pakai oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) telah mula dilaksanakan.
- (x) Skim Baucer Tuisyen (SBT) bagi pelajar-pelajar yang mempunyai ibubapa berpendapatan RM500/- ke bawah disediakan kopun untuk dibayar kepada guru-guru yang bersedia untuk mengajar kelas-kelas tambahan. Skim SBT ini merupakan insentif kepada mereka khusus yang mengajar mata pelajaran matematik, sains dan Bahasa Inggeris.
- (xi) Undang-undang yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka supaya mengikuti pelajaran rendah selama enam tahun melalui Seksyen 29a (2), Akta Pendidikan 1996 Pindaan (2002) mula dikuatkuasakan pada tahun 2003. Kegagalan mematuhi peruntukan ini boleh didenda tidak melebihi RM5000/- atau penjara atau lebih 6 bulan, atau kedua-duanya sekali menurut Peruntukan 29a(4)
- (xii) Skim Simpanan Pendidikan Nasional bagi membantu pelajar-pelajar miskin untuk menabung bagi pendidikan tinggi

Adakah strategi-stretegi ini memadai untuk menjadikan sistem pelajaran kebangsaan di Malaysia bertaraf dunia?

Pendidikan Bertaraf Dunia: Konsep, Isu dan Perbandingan

Untuk memberikan reaksi kepada soalan di atas, ada dua persoalan dasar yang sering diajukan kepada para perancang, penggubal dan penentu dasar dalam meletakkan taraf pendidikan Malaysia jika dibandingkan dengan taraf pendidikan di negara-negara lain. Pertama ialah apakah dia sebenarnya konsep pendidikan bertaraf dunia?. Kedua adakah sistem pendidikan di Malaysia dari segi realitinya sedang menuju ke arah taraf dunia.

Bagi memberi reaksi kepada persoalan pertama, perlu dijelaskan bahawa sehingga masa kini belum ada suatu takrifan yang jelas dan konkrit yang dapat digunakan secara menyeluruh bagi tujuan menilai dan mengukur serta perbandingan mutlak kebaikan dan taraf sistem pendidikan sesebuah negara dengan sistem-sistem pendidikan di negara lain. Jelasnya belum ada satu set indikator atau index yang "quantifiable", "measurable" dan "valid" serta "justifiable" seperti index KDNK per kapita dalam bidang ekonomi, yang boleh dan tersedia digunakan bagi tujuan perbandingan dan penentuan taraf hidup serta keupayaan secara global untuk memenuhi pengertian konsep taraf dunia yang sering diperkatakan.

Amat perlu dijelaskan juga bahawa skop, konsep, indikator serta kriteria tentang pembangunan pendidikan tersangat luas. Ia mencakupi bidang-bidang yang amat sukar dinilai atau diukur, terutamanya dalam aspek pencapaian pembelajaran dan pembangunan kognitif, afektif serta psikomoto sebagai dimensi-dimensi yang paling asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah disebabkan konsep pendidikan meliputi bidang-bidang ilmu dan unsur-unsur disiplin teras yang meluas dalam sains sosial dan kemanusiaan dan sains fizikal. Sebaliknya pula sekiranya konsep hasil pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan dipermudah dan dipersempitkan pengertiannya dengan tertumpu kepada dimensi-dimensi dan indikator-indikator penting sahaja, secara objektifnya, maklumat dan pengertiannya mungkin amat terhad dan proses pengukurannya boleh dipertikaikan dari aspek kesahihan. Paling hampir indikator-indikator berkaitan berperanan sebagai petunjuk berstatus proksi sahaja.

Bagi persoalan kedua, banyak andaian dan pemikiran yang boleh dirumus daripada pelbagai kajian dan penulisan para ilmuwan dalam bidang-bidang tertentu termasuk pengalaman negara dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Ukuran yang kerap digunakan sebagai petanda aras atau "bench mark" dalam kemajuan pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa ialah melalui penyertaannya dalam kajian-kajian antara-negara seperti International Evaluation Studies of Academic Achievement (IEA Study) atau melalui Third International Mathematics and Science Study (TIMSS) dan kajian-kajian perbandingan yang sering dibuat oleh para penyelidik di bawah anjuran institusi-institusi global tertentu seperti Bank Dunia, UNDP, UNESCO di peringkat dunia dan SEAMEO di peringkat Asia Tenggara.

Dalam konteks ini, secara relatifnya, dikatakan sistem pendidikan negara mempunyai taraf yang hampir pada tahap tinggi atau setara dengan di negara-negara maju dalam menjana environmen pendidikan dengan sistem kurikulum yang bermakna dan menjadi jentera berkesan dalam mencapai visi dan matlamat pendidikan negara. Contohnya, secara komparatif menurut satu analisis kajian-kajian UNESCO, daripada segi keseluruhannya sistem pendidikan Malaysia menduduki tempat ke empatbelas (14) berbanding dengan negara-negara membangun lain di seluruh dunia. Dari segi kriteria enrolmen peringkat menengah, kedudukannya ialah di tempat tiga puluh dua (32), dan di tempat tiga puluh tiga (33) bagi pendidikan tinggi. Daripada segi kriteria celek huruf, kedudukannya ialah ke tiga puluh sembilan (39), bagi literasi komputer kedudukannya di tempat ke sembilan belas (19), sains dan pendidikan di tempat ke sebelas (11). Dalam aspek nisbah guru: murid di peringkat rendah, kedudukan negara ialah di tempat ke sembilan belas (19) dan bagi peringkat menengah kedudukannya ialah dua puluh sembilan (29).

Walau bagaimanapun analisis seperti ini telah menimbulkan banyak soalan daripada memberikan jawapan dan pengertian yang diperlukan oleh para perencana, perancang dan penggubal dasar kerana konsep kualiti mempunyai pengertian yang berbeza-beza. Set kriteria dan indikator yang hendak diukur secara objektif amat luas. Namun, konsep kualiti juga boleh disempitkan jika ianya ditujukan kepada hal-hal yang lebih spesifik, termasuklah kadar atau

ratio murid-guru, kadar murid-kelas, kadar murid-sekolah, kadar pelajar-pensyarah di kolej atau universiti, serta kualiti tentang kandungan kurikulum, kualiti proses dalam pedagogi, pengurusan sekolah, peralatan, kelayakan guru, kewangan dan sebagainya.

Namun demikian, telah sering dikatakan bahawa sistem pendidikan negara mempunyai ciri-ciri yang baik untuk berdaya saing secara kompetitif dengan yang terdapat di negara-negara lain berdasarkan output-output yang telah dapat dihasilkan selama lebih empat dekad yang lepas, walaupun kesesuaiannya tidak semestinya selaras dan memenuhi dengan keperluan dan permintaan pasaran kerja. Dalam keadaan demikian, dan dengan senario latar belakang dan kedudukannya sekarang, sistem pendidikan negara perlu mencari ruang-ruang baru untuk perubahan, sejajar dengan perubahan negara melalui dasar-dasar baru supaya seimbang dan seiring dengan sistem pendidikan di negara-negara maju dan negara-negara Organization of Economic Cooperation and Development (OECD) seperti Jepun, Amerika Syarikat, Jerman, Switzerland, Sweden, France, Finland, Denmark, Belgium, Austria, Norway, England, Australia, Kanada, New Zealand, Korea Selatan, dan sebagainya, terutamanya dalam bidang-bidang pembangunan sains, teknologi tinggi, informasi dan telekomunikasi.

Pelaburan Peruntukan Rendah, Menengah dan Tertiar: Satu Ironi

Tidak dapat dinafikan, daripada statistik tentang faktor penyertaan atau akses, ternyata negara telah menyaksikan perkembangan pesat enrolmen pelajar baik bagi peringkat sekolah rendah mahu pun sekolah menengah sejak empat abad yang lepas sehingga awal tahun 2004. Namun demikian, peruntukan kewangan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) bagi program pembangunan sekolah bagi kedua-dua peringkat rendah dan menengah ternyata tidak seimbangan berbanding dengan peruntukannya bagi peringkat kolej dan universiti.

Sebagai contoh, seperti yang ditunjukkan dalam jadual statistik di Lampiran 1, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7, 1996-2000)

dengan pertambahan enrolmen yang tinggi di peringkat rendah, berjumlah 89,491 pelajar (2,907,123-2,817,623), pertambahan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8, 2001-2005) bagi peringkat ini hanya RM118 juta, iaitu daripada RM2632.0 bilion kepada RM2750.0 bilion atau 4.3%.

Begitu juga dengan pertambahan peratus enrolmen bagi peringkat menengah, berjumlah 214,306 (1,950,846-1,736,540), peruntukan yang diluluskan bukan sahaja tidak meningkat, tetapi menurun sebanyak RM 467.5 juta, iaitu daripada RM5330.1 bilion kepada RM 4862.6 bilion. Peruntukan ini amat jauh berbeza, jika dibandingkan dengan pertambahan sebanyak RM3537.92 bilion yang diperuntukkan kepada pendidikan tinggi daripada RM7 ke RM8 seperti ditunjukkan dalam jadual yang sama.

Secara ringkasnya, analisis ini menunjukkan pelaburan bagi peringkat rendah atau asas dan menengah telah tidak diberikan keutamaan, sedangkan jumlah enrolmen di peringkat menengah sentiasa meningkat, manakala setiap tahun ratusan ribu kohort lepasan peringkat menengah berterusan memasuki pasaran pekerjaan dan jauh lebih tinggi daripada yang meneruskan ke peringkat pendidikan tinggi. Selain daripada menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang besar mendapat kuantum peruntukan kewangan yang kurang, isu ini amat bercanggah dengan prinsip ekuiti dalam pengagihan belanjawan pendidikan.

Daripada segi hasil kajian-kajian dasar tentang pelaburan dalam pendidikan di kebanyakan negara di seluruh dunia, seperti yang banyak dilakukan oleh para penyelidik Bank Dunia dan UNESCO, jumlah peruntukan untuk peringkat-peringkat pendidikan yang disediakan merupakan faktor input penentu yang kuat menyumbang kepada kualiti pendidikan yang disediakan di peringkat berkenaan. Justeru, keadaan perbezaan yang ketara, daripada segi pelaburan yang rendah bagi peringkat rendah dan menengah berbanding dengan peringkat tinggi merupakan satu ironi atau paradoks yang amat sukar untuk dirasionalisasikan dalam rancangan pembangunan pelajaran yang Ke-8.

Faktor 'under-investment' ini dalam peruntukan negara bagi peringkat rendah dan menengah dalam RM-8, berbanding dengan peringkat tinggi jelas amat ketara. Walau pun, pada hakikatnya, pendidikan peringkat tinggi amat wajar memerlukan kos pembangunan prasarana dan peralatan yang tinggi dan sentiasa meningkat, rasional ini tidak seharusnya pula menidakkan keperluan peruntukan yang lebih tinggi bagi peringkat rendah dan menengah. Dari segi prinsip dan dasar peruntukan tentang prioriti dalam pelaburan mengenai pendidikan, persoalan ini merupakan satu ironi yang bukan sahaja bertentangan dengan dasar dan prinsip pelaburan berkesan, tetapi juga lojiknya sukar diterima.

Isu Sekolah Kecil: Keperluan Intervensi Dasar dan Tindakan

Kewujudan sekolah kecil merupakan salah satu strategi dalam dasar menyediakan pendidikan asas untuk semua warganegara selari dengan matlamat pendemokrasian pendidikan negara. Berdasarkan data dan maklumat yang dipungut melalui Sistem Pengurusan Maklumat Pendidikan (Educational Management Information System atau EMIS), masalah dan isu sekolah kecil yang telah wujud sejak berdekad lalu kian menjadi kritikal dan mencabar keupayaan sistem pendidikan kebangsaan pada masa ini dan akan datang. Ini kerana dalam proses sistem pendidikan negara menuju ke taraf dunia, masih wujud golongan-golongan pelajar yang sedang berdepan dengan fenomena deprivasi (deprivation), dengan keadaan environmen pendidikan yang amat kurang beruntung (highly disadvantaged), bahkan pasti terlepas peluang (missed opportunity) untuk menyertai secara lebih berkesan dalam arus perdana sistem pendidikan.

Hasrat negara untuk melaksanakan dasar pendemokrasian dan kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia sewajarnya memberi keutamaan kepada penyediaan pendidikan peringkat asas demi memastikan golongan-golongan pelajar kurang beruntung di luar bandar berpeluang mendapat pendidikan asas yang berkualiti sama seperti di bandar dan kota. Daripada perspektif falsafah dan dasar, kemampuan sistem pendidikan menyediakan pendidikan secara

berkesan dan berkualiti sesuai dengan keperluan pelajar-pelajar berkaitan boleh mengurangkan dan mengelakkan gejala-gejala, seperti keciciran dan pencapaian pembelajaran rendah. Daripada sorotan kajian-kajian tentang masalah tersebut di luar negara, keadaan ini sering membawa kepada fenomena kitaran reproduksi sosial (social reproduction) serta proses pewarisan budaya kemiskinan (the inheritance of the culture of poverty) bagi masyarakat setempat yang berkaitan.

Masalah, isu dan realiti ketinggalan sekolah-sekolah kecil di luar bandar dan pedalaman di daerah dan kawasan tertentu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dari segi arus sosial, ekonomi, pendidikan dan budaya amat jelas. Justeru, fenomena dan masalah sekolah-sekolah kecil menuntut dilakukan intervensi dasar secara konkrit dan strategik. Ini melibatkan perubahan struktur secara strategik dan pendekatan menyediakan prasarana kemudahan asas dan sumber manusia yang paling berkualiti supaya mampu memperkasakan prestasi dan keupayaan pelajar-pelajar sekolah kecil. Perubahan dasar dan strategi perlu dilaksanakan bagi memastikan institusi sekolah kecil di luar bandar mampu berfungsi bukan sahaja sebagai agen perubahan sosial tetapi memastikan hasil lahiran lebih kukuh, perkasa dan moden. Masyarakat pelajar moden pula akan bersedia menerima perubahan dan produktif dalam semua bidang.

Intisari Kesan Tindakan Dasar dan Perancangan Dekad 90-an

Meskipun demikian, setelah mengimbas sejarah pembangunan tentang pendidikan dan dasar-dasar yang berkaitan nya, sukar dinafikan bahawa sistem pelajaran kebangsaan telah berkembang secara dinamik untuk meletakkan idealisme dan peranan pendidikan di tahap yang boleh dibanggakan dalam empat setengah dekad yang lepas. Ini kerana perancangan tentang dasar ini merangkumi banyak bidang dan perlukan proses pengubahsuaian. Antara ciri-cirinya yang paling kritikal ialah:

- (a) Penegasan untuk melaksanakan dasar kurikulum yang lebih berkesan dan kemaskini serta relevan tentang penyepaduan

unsur-unsur pembangunan seimbang antara ilmu-ilmu keduniaan dari segi ilmu aqli dan ilmu-ilmu kerohanian dari segi agama serta pendidikan nilai-nilai murni dari segi moral, atau mata pelajaran sivik dan kajian sosial yang sedang di rencanakan untuk diberikan statusnya semula dalam proses perubahan

- (b) Penujuan dan ubahsuaian tentang corak dan format sistem peperiksaan dan penilaian di semua peringkat, terutamanya ditahap PMR dan SPM yang berbentuk terbuka untuk mewujudkan dasar peluang 'kedua' dan 'ketiga' (second and third chance) kepada golongan mereka yang kurang berjaya bagi kali pertama, mahu pun bagi kali kedua dan seterusnya.
- (c) Peningkatan taraf dan keilmuan bagi golongan profesional seperti guru, guru besar, pengetua, pensyarah maktab dan di tahap diploma umum, diploma pengkhususan, ijazah pertama, pascasiswazah dan ijazah tertinggi.
- (d) Perluasan pendidikan jarak jauh (distance education dan life-long education) yang perlu untuk merentasi semua golongan dan peringkat yang memerlukan pendidikan dan sijil dan diploma tetapi terbatas atas sebab-sebab pekerjaan, kekurangan wang atau kejauhan tempat kediaman dari pusat dan institusi ilmu di bandar dan kota.
- (e) Peningkatan dan peluasan konsep pendidikan teknik, teknologi asas dan tinggi, dan pendidikan serta kemahiran vokasional - teknikal dalam subjek-subjek teknikal, sains, teknologi dan telekomunikasi.
- (f) Pengwujudan konsep sekolah-sekolah bestari dengan peluasan penggunaan ICT menerusi sistem dan rangkaian komputer, pendidikan maya dan siber serta penubuhan beberapa buah universiti-universiti ala teknologi terkini, kejuruteraan, tekno-entrepreneurship, pengurusan dan penerokaan khususnya dalam bidang-bidang sains angkasa, sains kejuruteraan maritim dan kelautan, bioteknologi perubatan, genetik dan robotik, tekno-informasi, dan telekomunikasi dan sebagainya.
- (g) Peluasan sistem pendidikan tinggi yang semakin kompleks sehingga terwujudnya Kementerian Pengajian Tinggi yang khusus dan tindakan ke arah mengembangkan dasar-dasar untuk program-program pendidikan di sektor swasta dalam pelbagai bidang pengurusan dan pentadbiran, khususnya

mengenai ilmu-ilmu perniagaan, kewangan, perakaunan, teknologi informatiks, penubuhan universiti-universiti luar negara serta pengwujudan program-program kembar dengan universiti dan pusat pengajian terkemuka di dunia serta pengwujudan universiti terbuka untuk memberi peluang kepada mereka yang rasa tertinggal.

Perkembangan drastik seperti yang dirumuskan di atas amat jelas dan tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapa yang cuba mengkaji aspek pembangunan pesat dalam sistem pendidikan negara, terutamanya di kebelakangan ini. Arah alirannya perkembangannya begitu pesat, cepat dan kompleks, terutamanya tentang dasar dan perancangannya sehingga masyarakat umum tidak dapat mengikuti atau pun memahami isu-isu yang berkaitan. Begitu juga, sejak tahun 1996, Malaysia telah mendahului banyak perakuan dalam Laporan Suruhanjaya Delors UNESCO (1996) dan syor-syor dalam Persidangan Antarabangsa Sedunia tentang Pendidikan Tinggi Unesco (1998) termasuk terkini dengan penubuhan Kementerian Pengajian Tinggi (2004). Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa banyak lagi isu-isu dasar yang perlu diteliti oleh agensi-agensi pusat untuk menentukan dasar-dasar dan perancangan makro dan pelaksanaannya di peringkat kawasan, negeri, daerah dan institusi dilakukan secara paling terancang dan terselaraskan.

Rangka Strategi: Dari Lokal ke Global

Meskipun demikian, berdasarkan penilaian dan analisis saya secara ringkas seperti yang dilakarkan di atas tentang perkembangan dan pembangunan pelajaran untuk menuju ke status pendidikan bertaraf dunia, banyak dasar-dasar pelaksanaan, dasar dan strategi baru untuk menangani isu-isu penyertaan, ekuiti, kualiti, relevansi dan efisiensi dalam sistem pelajaran perlu dilakukan intervensi strategik dari segi dasar dan perancangan yang lebih terencana dan terselaraskan. Matlamatnya bukan sahaja untuk menentukan misi, dasar dan perancangan pelajaran negara dapat melahirkan anak bangsa yang terpelajar dan bersifat 'glokal' yang berkebolehan dalam interaksinya di antara peringkat negara dan antarabangsa (iaitu mempunyai sifat dan ciri-ciri keupayaan yang membolehkannya

berurus secara interaktif dengan masyarakat dalaman dan dunia luar), tetapi juga memangunkan anak bangsa yang mempunyai sifat-sifat kemanusiaan yang unggul berdasarkan ciri-ciri yang terkandung dalam konsep Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Negara dan sensitif kefahamannya tentang keperluan dan tekanan pesaingan dalam pasaran ekonomi lokal, nasional dan global.

Daripada segi ini, untuk peranjakan paradigma dari yang bertaraf lokal ke taraf dunia sistem pelajaran negara walau pun perlu terus dilaksanakan dan dipantau secara berterusan, tetapi proses dan tindakan pelaksanaan program-programnya amat perlu diusahakan secara lebih berkesan, tersusun dan tersinkroni. Dasar-dasar induk dan dasar-dasar operasi yang diputuskan bersama dari semasa ke semasa untuk tiap-tiap peringkat dan sektor perlu dilakukan secara terselaraskan. Input-input dan strategi-strategi baru untuk ubahsuaian dan perincian perlu dilakukan mengikut rasional keperluan. Dalam hal ini banyak lagi tindakan dasar dan proses perencanaan yang lebih kukuh perlu dilakukan untuk menentukan peningkatan prinsip-prinsip aksesibiliti, ekuiti, kualiti, relevansi dan efisiensi menuju ke arah standard-standard yang dikatakan bertaraf dunia.

Perakuan dan Syor

Kearah Kualiti Bertaraf Dunia: Indikator Strategik Dimensi 7-P (Sila lihat Lampiran 2)

Dengan berlandaskan hujah-hujah di atas, saya merumuskan dalam kertas syarahan ini sebuah pemikiran yang berasaskan Indikator-Indikator Strategik dalam Model Dimensi 7-P untuk menunjukkan aspek-aspek yang amat kritikal yang perlu dilakukan tindakan. Penelitian dan kajian semula ke arah proses 'Penyegaran Semula' atau 'Revitalization' sistem pelajaran negara yang lebih mantap, bermutu dan bertaraf tinggi, setanding dengan yang terdapat di negara-negara maju amat perlu disegerakan pelaksanaannya.

Dimensi P1- Dasar Kandungan Program dan Kurikulum

Perbaiki Kualiti Program Pengajian dan Kurikulum serta Proses Pedagogi

Kandungan program-program pengajian dan pengajaran di pusat-pusat pengajian tinggi IPTA dan IPTS dan kurikulum serta subjek-subjek pengajaran di sekolah perlu dan sentiasa dikaji semula, diperbaiki dan ditingkatkan mutunya. Ini perlu dilakukan melalui pelbagai pendekatan dan proses keesahan kualiti atau 'quality assurance' baik di peringkat sekolah, kolej mahu pun universiti di IPTA dan IPTS. Kesesuaiannya dengan permintaan tenaga kerja negara dengan perubahan dan keadaan realiti kualiti sumber manusia bagi keperluan lokal, rantau dan global amat penting untuk sentiasa dikaji, dipantau dan dilakukan proses penambahbaikan. Penglibatan aktif daripada para akademik dan perancang dari golongan pendidik profesional untuk memberi input ke arah memperbaiki serta memperkukuhkan dasar-dasar tentang kandungan program-program pusat-pusat pengajian tinggi dan kurikulum sekolah hendaklah diberikan keutamaan. Ini bertujuan menentukan aras kualitinya supaya sentiasa setanding dengan yang terdapat di negara-negara maju dalam OECD, terutamanya di negara-negara Eropah Utara. Tujuannya juga untuk memenuhi kriteria relevansi program pengajian yang perlu selari dengan keperluan, permintaan dan aliran dunia pekerjaan di mana penguasaan ilmu-ilmu baru akan menjadi penentu. Justeru, pendekatan dan kemahiran terkini akan meletakkan graduan-graduan sekolah dan universiti negara ini dengan ciri-ciri yang lebih berkualiti, beserta dengan daya keupayamasaran (marketability) dan kebolehergerakan (mobiliti) di tahap yang lebih tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Pendekatan ini juga akan memberi lebih peluang, ruang dan fleksibiliti kepada mereka untuk bergerak dan berinteraksi melepasi sempadan negeri dan negara, dan boleh bergerak dari lokal ke global, dan sebaliknya, dengan mutu ilmu dan kemahiran bertaraf dunia .

Dimensi P2- Dasar dan Sistem Penilaian dan Peperiksaan Terbaik

Perbaiki Proses Penilaian Pengukuran

Sistem penilaian, pengukuran dan peperiksaan, yang terlalu menekankan deria ingatan dan hafalan fakta dalam subjek-subjek yang bukan kritikal hendaklah dikaji kembali dan dikurangkan tekanannya. Proses, metodologi dan teknik-teknik pengajaran-pembelajaran secara lebih bermutu dan boleh menghidupkan sifat-sifat kritis, kreatif, inovatif pelajar dalam semua kursus dikolej dan universiti atau matapelajaran di sekolah hendaklah dipertingkatkan kualitinya. Ini perlu dilakukan secara yang paling interaktif antara pensyarah, atau guru dan pelajar. Namun demikian, penguasaan kandungan subjek-subjek akademik asas seperti matematik dan sains yang berdasarkan tanda aras atau 'benchmark' kajian-kajian antarabangsa, yang memerlukan penegasan tentang ingatan fakta asas dan kefahaman, hendaklah sentiasa diperkukuhkan melalui teknik-teknik pedagogi yang lebih progresif dengan sistem-sistem ujian, penilaian dan pengukuran yang tidak meninggalkan keasnekan negatif kepada kumpulan-kumpulan pelajar yang lemah tahap keupayaan mereka.

Dimensi P3-Dasar Prasarana Standard, Berkualiti dan Selesa

Pertingkatkan Mutu Peralatan dan Kemudahan Prasarana

Standard prasarana, kemudahan dan peralatan asas untuk universiti, kolej, sekolah dan tadika hendaklah terus diperbaiki dan disediakan dengan lebih pelbagai, berkualiti dan seimbang. Tujuannya untuk menentukan taraf keselesaan asas yang perlu dalam dunia pekejaan pendidikan supaya dinikmati oleh semua warga institusi-institusi sekolah, kolej dan universiti yang berkaitan. Baik di kota-kota, bandar mahu pun di luar bandar dan kawasan pendalaman, penentuan pelaksanaan strategi ini atas dasar standard dari segi kemudahan bukan sahaja penting untuk memenuhi prinsip dan rasional ekuiti dalam dunia perkhidmatan pelajaran, tetapi juga untuk memenuhi

sifat keadilan sosial yang tinggi yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat, khususnya golongan birokrat, teknokrat dan pentadbir sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Umpamanya, bangunan dan peralatan untuk di sekolah rendah dan menengah yang telah usang di seluruh negara, baik di Sabah, Sarawak mahu pun Semenanjung, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman perlulah dipermodenkan. Tindakan ini perlu diusahakan dengan lebih berkualiti, segera dan serius sifat tanggungjawabnya. Prasarana untuk bekalan-bekalan air dan letrik yang berterusan dan mencukupi, khususnya untuk menentukan pembelajaran sains, kemahiran hidup dan matapelajaran teknik, serta teknologi 'ICT' tidak kerap tergendala, wajar dipertingkatkan mutu dan perkhimatannya. Ini kerana keadaan sebaliknya akan mengurangkan lagi peluang-peluang pelajar di kawasan-kawasan berkenaan dengan perasaan tertinggal untuk bersaing dalam bidang-bidang utama dan kritikal dengan pelajar-pelajar di kota-kota metropolitan dan bandar-bandar. Prasarana untuk keselesaan guru khususnya di sekolah rendah dan menengah amat perlu juga dipermodenkan, terutamanya bilik-bilik rehat guru di semua sekolah rendah dan menengah perlulah sekurang-kurangnya dihawadangkan demi meningkatkan kebajikan, kesejahteraan dan untuk menjaga tahap kesegaran warga guru. Faktor ini amat penting, terutamanya sewaktu berehat selepas berpenat lelah mengajar di bilik-bilik darjah yang tidak selesa suasana hawa panas, terutamanya kerana penggunaan kipas angin sering dihadkan oleh pihak pengurusan.

Dimensi P4-Dasar Kewangan Berasaskan Ekuiti dan Efisyensi

Pertingkatkan Peruntukan dan Pengagihan Kewangan

Jumlah peruntukan negara untuk semua sektor dan peringkat pelajaran, terutamanya bagi perancangan lima tahun yang sedang disediakan untuk pembangunan mulai tahun 2006-2010 hendaklah dinilai kembali supaya dipertingkatkan peratusan kuantumnya, sekurang-kurangnya sebanyak dua puluh lima peratus daripada seluruh belanjawan negara. Peratusan ini penting untuk menjadikan pendidikan prasekolah, rendah dan menengah, teknikal dan

vokasional, lebih berkualiti. Ini kerana di peringkat inilah jumlah enrolmen pelajar amat tertinggi dalam seluruh sistem pelajaran kebangsaan. Juga, sejajar dengan perakuan kajian-kajian Bank Dunia, UNDP dan UNESCO, dan demi memenuhi dasar ekuiti mengikut peringkat persekolahan dan keadilan sosial. Tujuannya juga untuk menentukan proses pembangunan pelajaran negara yang di anggap sebagai penyelamat bangsa terus memacu ke hadapan, peruntukan untuk pembangunan infrastruktur bagi peringkat pelajaran bagi tadika kerajaan, sekolah rendah, dan menengah teknik dan vokesyenal amat perlu diberi keutamaan untuk dipertingkatkan. Ini kerana banyak sekolah-sekolah menengah dan rendah telah sempit dan padat dengan jumlah enrolmen pelajar yang tinggi serta berterusan peningkatan, tahun demi tahun, baik bagi sekolah-sekolah sesi pagi mahu pun petang jumlah pelajar terus meneingkat. Daripada segi pendidikan, keadaan ini menimbulkan kesan kaunter-produktif, khususnya bagi sekolah-sekolah yang telah melebihi enrolmen optimum. Keadaan ini amat ketara di kebanyakan sekolah rendah dan menengah di kota-kota dan bandar-bandar besar. Akibatnya, pelbagai masalah disiplin dan salah-laku sosial yang perlu ditangani oleh pengetua, guru besar dan guru-guru, tanpa dirasai oleh para pemutus dasar dan para perancang di agensi-agensi pusat. Dasar sekolah satu sesi yang telah dibicarakan sejak dua puluh tahun yang lepas amat perlu dipercepatkan proses pelaksanaannya sebelum keadaan pengurusan sekolah dua sesi menjadi tidak terkawal. Begitu juga, dasar tentang keluasan dan ruang yang perlu untuk sekolah rendah dan menengah perlu dikaji semula khususnya bagi sekolah-sekolah baru yang akan di bina di kawasan-kawasan perumahan oleh pemaju-pemaju, yang dikawal pengurusannya oleh agensi-agensi pusat yang lain. Tidak ada jalan singkat untuk menghadapi persoalan ini, kecuali dengan peruntukan yang jauh lebih tinggi daripada yang diperuntukan pada masa kini.

Dimensi P5-Dasar Geran Per Kapita Pelajar Terbaik

Pertingkatkan Geran Per Kapita untuk Pelajar Sekolah

Dasar-dasar utama per kapita pelajar daripada peruntukan dan pengagihan kewangan bagi peringkat pendidikan asas, menengah

dan teknikal hendaklah dikaji semula. Ianya perlu sejajar dengan keperluan kos bahan pengajaran dan peralatan semasa dan mutu hasilan yang dihasratkan mengikut peringkat dan tumpuan, terutamanya untuk matapelajaran sains asas, peralatan teknikal, vokasional, kemahiran hidup dan peralatan komputer untuk pendidikan melalui ala siber dan ICT. Peruntukan geran per kapita untuk mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bagi semua peringkat persekolahan amat perlu dikaji semula dan dipertingkatkan. Bahkan, akan lebih baik jika semua kolej, terutamanya maktab-maktab perguruan, politeknik dan kolej awam dilengkapi dengan makmal-makmal terkini untuk pengajaran kedua-kedua bahasa tersebut secara lebih berkesan. Ini bersesuaian terutamanya dengan dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam sains dan matematik di sekolah-sekolah dan seterusnya. Lebih banyak makmal-makmal diwujudkan untuk pengajaran bahasa Inggeris di institusi-institusi pendidikan tinggi. Ini sejajar dengan dasar penguasaan bahasa tersebut, dan akan memberkan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar menguasai bahasa tersebut, terutamanya yang datang dari sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar kota. Justeru, tidak ada jalan singkat dalam hal ini, kecuali penelitian yang mendalam dan penegasan yang kukuh daripada segi dasar, perancangan dan implimentasi.

Dimensi P6-Dasar Khidmat Kebajikan Pelajar Bermutu

Pertingkatkan Kualiti Perkhidmatan bagi Kebajikan Pelajar

Aspek-aspek yang berkaitan dengan keselesaan tentang kawasan fizikal sekolah-sekolah dan persekitaran bilik-bilik darjah, makmal dan bengkel, di mana berlakunya proses pembelajaran dan premis-premis khas seperti padang, dewan surau dan kemudahan riadah dan sukan yang lebih baik hendaklah dipertingkatkan peruntukannya. Dasar-dasar tentang keluasan kawasan dan kemudahan sesebuah sekolah hendaklah dikaji semula, khususnya bagi sekolah-sekolah baru yang dibina di kawasan-kawasan perumahan di seluruh negara. Demikian juga dasar-dasar tentang had jumlah pelajar yang boleh dibenarkan bagi sesebuah sekolah serta bilik darjah. Ini meliputi pelaksanaan tegas tentang dasar-dasar

baru mengenai kadar murid-guru yang lebih baik, kadar-guru bilik darjah yang lebih selesa, khidmat kesihatan dan sokongan yang lebih teratur berdasarkan prinsip ekuiti yang lebih adil kepada pelajar luar bandar dan yang kurang beruntung dibandar.

Dimensi P7-Perkhidmatan Guru dan Kakitangan Terbaik

Perbaiki Skim Perkhidmatan Guru dan Pensyarah

Skim-skim perkhidmatan untuk guru-guru tadika, sekolah rendah dan menengah, dan pensyarah kolej, politeknik dan universiti awam, yang lebih baik dan menarik dengan kemudahan-kemudahan asas yang lebih menggalakkan perlu diperuntukkan dalam dasar-dasar yang dikaji semula. Skim-skim perkhidmatan pelajaran yang lebih baik, sejajar dengan taraf kelayakan dan sistem latihan yang lebih bermutu untuk kemajuan kerjaya guru, pensyarah dan pentadbir institusi pendidikan di tahap profesionalisme dan kepakaran yang tinggi, hendaklah sentiasa dikaji dan dilaksanakan secara berkesan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk mengendalikannya.

Kesemua aspek ini perlu terus diperbaiki dari masa ke semasa untuk meningkatkan kualiti dan nilai-tambah tentang mutu. Faktor faktor ini tidak boleh dikompromi atau tidak diberikan prioriti jika mutu sistem pendidikan di Malaysia hendak dipertingkatkan ke tahap dunia setanding dengan yang terdapat di negara-negara maju. Carta di Lampiran 3 menunjukkan indikator-indikator utama faktor input yang menyumbang ke arah proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di bilik darjah yang dianggapkan sebagai 'kotak hitam'. Hasil daripada proses yang berlaku dalam Pengajaran dan Pembelajaran ini akan menelurkan indikator-indikator output yang pelbagai segi, bentuk dan dimensi tentang pengeluaran pelajar dalam sistem pendidikan.

Penutup

'Strategic Repositioning': Satu Kemestian untuk Mencapai Taraf Dunia

Untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau Asia dengan sistem pendidikan yang bertaraf dunia, usaha dan proses 'repositioning' melalui kajian-kajian semula berasaskan Indikator Strategik Model Dimensi 7-P yang dibicarakan di atas amat diperlukan segera. Justeru, banyak cabaran perlu dihadapi. Sistem tadika sekolah, kolej dan universiti yang lebih baik kualitinya, relevan kandungannya, efisien penyampaiannya dan adil dasar ekuitinya memerlukan tindakan dan perubahan drastik bukan sahaja dengan bersedia untuk membuat perubahan dan ubahsuaian dalam budang kandungan kurikulum dan program-program, tetapi juga dalam sistem-sistem penyampaian kandungannya.

Penggunaan alat media dan telekomunikasi terkini seperti sistem komputer pribadi dan multimedia perlu dijadikan 'teras' dan wajib dalam sistem penyampaian ilmu dan pedagogi. Namun demikian, ini tidak bermakna mengketepikan faktor guru sebagai pendidik dan pembimbing yang terpenting. Pendekatan-pendekatan melalui teknologi komunikasi dan informasi (ICT), sistem pendidikan tinggi terbuka dan pendidikan jarak jauh melalui sistem-sistem 'teleconferencing', 'teleinstruction', 'teleteaching', dan penggunaan pendekatan teknologi dan multimedia terkini di mana wajar atau perlu, dengan aplikasi rangkaian internet broadband perlu sentiasa disokong dan dipertingkatkan terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi, sekolah menengah, bahkan disekolah sekolah asas sekali pun.

Program-program pembangunan kemahirupayaan (capacity building) untuk seluruh golongan guru, pensyarah dan personelia pengurusan dan pentadbiran sekolah, kolej, politeknik dan universiti sebagai golongan massa kritikal (critical mass) sentiasa perlu dilaksanakan secara efektif dan berterusan. Ini kerana proses menanam modal dalam memapankan potensi sumber manusia dalam bidang-bidang penting yang tertentu, baik umum mahu pun khusus, dan secara berterusan dalam aspek-aspek pembangunan

intelek, kemahiran dan afektif merupakan faktor yang paling berkesan dalam proses pembangunan kemahirupayaan ini.

Sesungguhnya, tahap dan kemajuan pendidikan Malaysia pada masa kini, jika dibandingkan dengan yang terdapat di negara-negara Maju, Membangun dan Termundur sedang berada dalam keadaan yang amat genting atau 'threshold'. Samada ia akan 'menjunam' ke kumpulan Termundur atau 'meningkat' ke golongan Maju bergantung kepada anjakan paradigma untuk membuat 'Strategic repositioning' dari semasa ke semasa secara rasional dan teratur. Justeru itulah amat perlu usaha ke arah peranjakan yang 'fundamental' mengikut tujuh strategi seperti yang dirumuskan di atas.

Sekian, terima kasih

Wabillahi Taufik Walhidayah

Assalamualaikum Warahmatullah

BACAAN


1. Ahmad Sarji (ed)(2003) *Wawasan 2020 Malaysia..Memahami Konsep, Implikasi Dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Maziza Sdn Bhd.
2. Burrup P.E. et.al. (1996) *Financing Education in a Climate of Change*. London: Allyn & Bacon.
3. Carron G., Chau T.N. (1996) *The Quality of Primary School in Different Development Contexts*. International Institute for Educational Planning (IIEP). Paris : UNESCO Publishing.
4. Chapman, D. W. et al. (1997) *From Planning to Action: Government Initiative for Improving School-level Practice*. Paris: UNESCO: International Institute for Education Planning (IIEP).
5. Ferojalla, S. B. (1993) *Educational Planning for Development*. London: Macmillan Press.
6. Hussein Ahmad (1993) *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Refomasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
7.(2001) *Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors.
8. (2004) 4 Monograf : koleksi kertas-kertas yang telah diterbitkan dalam jurnal. (Dalam proses penyuntingan untuk diterbitkan dalam bentuk buku):
 - i. *Towards Excellence and Globalization: Malaysian Education and Development at the Crossroads - To be or not to be....*(13 artikel)
 - ii. *Dasar Pendidikan Kebangsaan, DEB dan Reformasi Pendidikan : Persoalan dan Jangka Harapan* (10 artikel)
 - iii. *Masalah dan Isu-isu Kritikal dalam Pembangunan dan Pengurusan Pendidikan di Malaysia* (18 artikel)
 - iv. *Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional* (8 artikel)
9. Kementerian Pendidikan Malaysia (2001) *Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010*. Kuala Lumpur

10.(2000) Perangkaan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur (BPPDP)
11.(2003) Perangkaan Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur (BPPDP)
12. Maimunah, S. & Lewis K. (1993) Insights into Science Education: Planning and Policy Priorities in Malaysia. Kuala Lumpur
13. Malaysia (1999) Country Report on Education For All. Kementerian Pendidikan Malaysia (Educational Policy Planning and Research Division).
14. Michael T. Hayes (1992) Incrementalism and Public Policy. New York: Longmans.
15. OECD, (1999) Education Policy Analysis. Paris: OECD Centre for Educational Research and Innovation.
16.(2001) Education at a Glance: OECD Indicators (Highlights), Paris: OECD Centre for Educational Research and Innovation.
17.(2000) Statistical Document: Education For All 2000 Assessment. Report of the International Consultative Forum on Education for All, World Education Forum, Dakar, Senegal, 26 - 28 April 2000.
18.(2000) Status and Trends: Assessing Learning Achievement. Report of the International Consultative Forum on Education for All, World Education Forum 26 -28 April 2000, Dakar, Senegal.
19. Ross K. N. et al (ed) (1990) Planning the Quality of Education: The Collection and Use Data for Informed Discision-making. UNESCO: International Institute for Educational Planning (IIEP) Paris: Pergamon Press.
20. Ross K.N. & Leracie R. (ed) (1999) Needs - based resource allocation in education. Paris: UNESCO Publishing.
21. Steven Kelman (1987) Making Public Policy. New York: Basic Books.
22. Sufean Hussin (1996) Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah, Utusan Distributors and Publications, Kuala Lumpur.

**Peruntukan pembangunan untuk pendidikan dan latihan,
1996 - 2005 (RM juta)**


Program	RMK - 7		RMK - 8
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan
Pendidikan	17,027.2	17,542.2	18,660.0
Prasekolah	123.6	107.5	147.4
Pendidikan Rendah	2,632.0	2,631.8	2,750.0
Pendidikan Menengah	5,330.1	5,317.5	4,862.6
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	3,860.0	3,853.7	3,262.6
MRSM	710.0	707.2	700.0
Sekolah Tek & Vokasional	760.1	756.6	900.0
Pendidikan Tinggi	5,362.8	5,005.1	8,900.0
Pendidikan Guru	350.0	332.5	300.0
Program Sokongan			
Pendidikan Lain	4,150.0	4,147.8	1,700.0
Latihan	2,237.3	2,181.9	4,000.0
Latihan Industri	1,876.0	1,827.0	3,760.0
Latihan Perniagaan	71.3	71.2	100.0
Latihan Pengurusan	290.0	283.7	140.0
Jumlah	20,185.8	19,724.1	22,660.0

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia



dan bimbingan mengenai belajar melalui peringkat negara dan juga antarabangsa. Di samping itu, beliau telah menjalankan perisian dan perancangan dasar serta rancangan laporan-laporan yang merenai pendidikan sejak 1973 di Lembaga National Planning & Research Division, Curriculum Development Centre dan Institut *manajemen Baka. Kementerian Pendidikan 1980 juga telah mengatuzi banyak kumpulan pelajar dalam bersejarah pendidikan dasar sewaktu

DIMENSI STRATEGIK MODEL INPUT-PROSES-OUTPUT



Profil

Profesor Dr. Hussein Haji Ahmad telah bertugas dengan kerajaan selama 40 tahun setelah lulus dari Kolej Perguruan Brisford Lodge, Wolverhampton, England (1963). Beliau memegang ijazah B.A. (Hons) dari Universiti Malaya (1969), ijazah M.A. (Pendidikan, 1975), M.A. (Sosiologi, 1977) dan Ph. D. (Pendidikan, 1979); kesemua ijazah tingginya diperoleh dari Universiti Stanford, California, U.S.A.

Beliau mula berkhidmat sebagai Guru di beberapa buah Sekolah Menengah, Pengetua, Penolong Pengarah. Sebagai Ketua Penolong Pengarah beliau bertugas di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, dan Pusat Perkembangan Kurikulum, Seterusnya beliau dilantik sebagai Pengarah di Institut Aminudin Baki dan di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia. Beliau juga pernah juga dipinjamkan ke USM, Pulau Pinang sebagai Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Pengarah Penyelidikan dan Perancangan di Jabatan Perpaduan Negara, dan sebagai Timbalan Ketua Pengarah, di Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.

Selepas persaraan wajib pada tahun 1997, beliau telah mewakili negara sebagai Wakil Tetap bertaraf Duta Malaysia ke UNESCO, selama 3 tahun di Paris, Perancis. Pada tahun 2001, beliau telah dilantik sebagai Profesor di Institut Pengetua. Pada tahun 2003, beliau telah dilantik sebagai Ketua, Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kini beliau sekali lagi kembali ke Institut Pengajian Kependidikan, Kampus Kota, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan memegang jawatan Profesor.

Sumbangan kepakaran beliau merentasi peringkat negara dan juga antarabangsa. Di antaranya beliau telah menjalankan penilaian dan perancangan dasar serta menulis laporan-laporan polisi mengenai pendidikan sejak 1972 di Educational Planning & Research Division, Curriculum Development Centre dan Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan. Beliau juga telah mengetuai banyak kumpulan petugas dalam beberapa penyelidikan dasar sewaktu

bertugas di Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Perpaduan Negara, JPM.

Di peringkat antarabangsa beliau telah kerap mewakili Malaysia untuk membenteng kertas kerja anjuran UNESCO, ISESCO, KOMANWEL, SEAMEO dan sebagainya sejak tahun 1980 hingga 1997.

Semasa berkhidmat di Biro Tata Negara, Jabatan Perdana Menteri beliau telah memimpin program perpaduan dan integrasi dalam Program Bina Negara selama satu setengah tahun.

Beliau juga telah menerajui program pembangunan staff di Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia semasa bertugas sebagai pengarah.

Selain itu beliau aktif menulis kertas-kertas ilmiah untuk jurnal, prosiding dan buku tentang pendidikan di dalam dan luar negara.

Dalam bidang penulisan beliau telah menghasilkan sejumlah lebih 50 buah artikel dan kertas penyelidikan dan ilmiah mengenai pendidikan, dasar dan pembangunan pelajaran yang kini telah dibukukan dalam empat Monograf berjudul:

1. Towards Excellence and Globalization: Malaysian Education and Development at the Crossroads - To be or not to be
2. Dasar Pendidikan Kebangsaan, DEB dan Reformasi Pendidikan: Persoalan dan Jangka Harapan.
3. Masalah dan Isu-isu Kritikal dalam Pembangunan dan Pengurusan Pendidikan di Malaysia.
4. Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Seterusnya beliau telah menghasilkan dua buah buku iaitu "Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan", DBP(1993) dan keduanya, buku "Mandat UNESCO dan Cabaran Globalisasi", Utusan Publication and Distributors, K.L., (2001)

Dalam masa yang sama beliau menjadi pakar rujuk di dalam beberapa projek kajian dasar pendidikan anjuran Bank Dunia, UNESCO dan Kementerian Pendidikan.

Kebelakangan ini beliau telah dilantik oleh negara Oman dengan kerjasama UNESCO sebagai Konsultan Pakar Pasukan Antarabangsa bagi membangunkan Strategi Pendidikan negara Oman untuk 20 tahun akan datang.

University of Malaya